



Hubungan Antara Pengetahuan dengan Sikap Guru Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Terhadap Pembelajaran Kolaboratif

Nur Ilda Kamaruzaman¹, Aliza Alias²
^{1,2}Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Article Info

Received:

16 March 2020

Accepted:

25 March 2020

Publish:

6 April 2020

E-mail adress:

*corresponding Author :
*nurilda_kamaruzaman@yahoo.co.uk

e-ISSN

Abstrak

Kajian tinjauan ini dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara pengetahuan guru dan sikap guru dalam mengaplikasikan pembelajaran kolaboratif kepada murid berkeperluan khas di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas. Kajian ini melibatkan 100 orang responden yang mengajar di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dipilih secara bertujuan. Data kajian diperoleh melalui borang soal selidik dan dianalisis secara deskriptif berdasarkan kekerapan. Dapatan kajian menunjukkan hampir lapan puluh peratus guru mempunyai pengetahuan dari aspek definisi, ciri-ciri dan bahan bantu mengajar berkaitan dengan pembelajaran kolaboratif. Sembilan puluh peratus guru memerlukan latihan bagi menambahkan lagi pengetahuan pedagogi tentang pembelajaran kolaboratif bagi murid berkeperluan khas. Didapati guru Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai pembelajaran kolaboratif, namun pengetahuan guru perlu ditingkatkan dari aspek penerapan bahan bantu belajar menggunakan pembelajaran atas talian untuk murid berkeperluan khas agar pembelajaran kolaboratif ini dapat diaplikasikan dengan lebih berkesan terhadap murid berkeperluan khas sepenuhnya.

Kata Kunci: Pendidikan, Pembelajaran Kolaboratif, Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas, Murid Berkeperluan Khas

PENGENALAN

Pembelajaran abad ke-21 telah menyenaraikan empat ciri-ciri pembelajaran yang perlu diterapkan kepada murid di dalam kelas iaitu komunikasi, pemikiran kritis, kolaborasi dan kreativiti. Bagi tema kolaboratif, guru perlu menguasai kemahiran pembelajaran kolaboratif dimana pengabungjalinan antara komunikasi dan kolaboratif adalah diutamakan. Pembelajaran kolaboratif telah diperkenalkan sebagai salah satu elemen untuk pembelajaran

aktif murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas (Lai et al., 2017). Mistirine dan M. Al-Muz-zammil Radin (2018) menjelaskan bahawa pembelajaran kolaboratif ini memupuk kemahiran sosial antara murid disamping melahirkan murid yang fleksibel dan berkeupayaan untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran serta budaya lain. Guru perlu memainkan peranan yang amat penting bagi memupuk kemahiran ini dalam pengajaran dan pembelajaran murid. Oleh itu, pembelajaran kolaboratif ini memberikan peluang pembelajaran secara menyeluruh kepada murid dari aspek jasmani, emosi, rohani dan juga intelek.

Baharun dan rakan penyelidik (2017) menyatakan bahawa seorang pendidik perlu cekap dalam pengendalian pedagogi. Perubahan dalam bidang pendidikan memerlukan guru menambah baik aspek pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan arus pendidikan terkini. Mutu pengajaran guru dapat ditingkatkan dengan pengetahuan guru yang tinggi. Guru perlu berupaya menguasai pengetahuan untuk menyampaikan subjek kandungan kepada murid. Guru memerlukan pengetahuan dalam bidang yang diajar kerana semasa proses pengajaran berlaku, pelbagai teknik dan model pengajaran perlu dijalankan supaya murid mendapat pembelajaran yang sesuai dengan keupayaan masing-masing. Mengikut kesesuaian pendidikan abad ke-21 ini, guru perlu menguasai aspek asas dalam pengajaran seperti perancangan pengajaran serta interaksi bersama murid agar pengajaran yang disampaikan disesuaikan dan diselaraskan mengikut keperluan pengetahuan semasa murid (Hamdan et al., 2016).

Selain itu, pengetahuan yang mendalam dapat membantu guru menangani kebolehan dan keperluan murid yang berbeza-beza di dalam kelas seterusnya mewujudkan persekitaran pembelajaran yang baik dan positif serta adil kepada semua murid. Pengetahuan yang mencukupi dapat menggalakkan guru melaksanakan kaedah pengajaran yang terkini untuk murid (Al-Awidi & Aldhafeeri, 2017). Penerimaan guru terhadap pengetahuan baru juga perlu diambil kira supaya guru dapat menyampaikan pengetahuan yang diperolehi dengan sempurna dan tanpa rasa paksaan demi kemenjadian murid secara menyeluruh. Penerimaan guru yang positif dapat membantu murid dalam pembelajaran yang aktif murid dan penerimaan guru negatif akan menghasil pengajaran yang tidak menarik di dalam kelas. Guru juga lebih positif dalam pelaksanaan pengajaran yang terkini jika diberikan latihan mencukupi dan motivasi kepada mereka (Gerli et al., 2017).

Hasil pembelajaran murid pula dipengaruhi dengan pembelajaran mereka di dalam kelas. Susanti dan rakan penyelidik (2018) mendapati pembelajaran kolaboratif memberikan kesan positif terhadap pembelajaran murid. Perbincangan bersama dalam kumpulan merangsang murid lebih aktif serta saling belajar bersama-sama dalam membina pengetahuan baharu (Al-Rahmi & Zeki, 2017; Kim & Lee, 2015; Sung & Hwang, 2013). Keyakinan murid terhadap diri sendiri semakin meningkat dan lebih senang belajar secara berkelompok kerana rakan sebaya saling membantu dalam pembelajaran (Kumi-Yeboah et al., 2017; Rafiza, 2013). Selain dari penilaian guru, murid juga mendapat penilaian terus daripada rakan sebaya mereka semasa pembelajaran sedang berjalan (Lai et al., 2017). Penilaian pembelajaran murid bukan sahaja diperolehi daripada guru, malahan daripada rakan sebaya mereka juga. Oleh yang demikian, aspek pengetahuan dan sikap guru terhadap peralihan pengajaran bersifat tradisional ke pengajaran yang lebih inovatif ini adalah sangat perlu agar perubahan pendidikan yang diharapkan berjaya dilaksanakan kepada murid (Al-Awidi & Aldhafeeri, 2017).

Pernyataan Masalah

Pembelajaran kolaboratif telah lama diamalkan oleh negara Amerika Syarikat, Kanada mahupun di Jepun sekaligus memberikan kepentingan pelaksanaan pembelajaran kolaboratif di sekolah. Namun begitu, pelaksanaannya tidak menyeluruh kerana kekangan dari aspek pengetahuan dan sikap guru yang melaksanakan pembelajaran ini kepada murid

mereka. Menurut Susanti dan rakan penyelidik (2018), ramai pendidik yang belum lagi mengaplikasikan pembelajaran kolaboratif ini di dalam pengajaran mereka. Bagi merancang pengajaran murid berkeperluan khas, pengetahuan tentang sesuatu ilmu tersebut perlulah mencukupi malah seharusnya lebih lagi supaya pengajaran memberikan kesan terhadap pembelajaran murid. Kurangnya pengetahuan guru dapat menjejaskan pembelajaran serta memberikan kesan negatif terhadap pelaksanaan pembelajaran terhadap murid. Guru yang mempunyai latihan yang berbeza menyebabkan pengetahuannya berbeza dan mempengaruhi kesediaan guru mengaplikasikan pembelajaran kolaboratif dalam pengajaran. Oleh itu, ilmu pengetahuan penting dalam menjadikan guru seorang yang bersedia untuk mengaplikasikan sebarang pengajaran dan pembelajaran baharu untuk murid.

Sikap guru memainkan peranan penting dalam memberikan penyampaian pengajaran dan pembelajaran kepada murid. Bagi sekolah yang mempunyai bilangan murid yang sedikit, guru berasa sukar untuk melaksanakan tugas berkumpulan kerana mereka beranggapan lebih mudah mengajar secara terus tanpa melaksanakan tugas berkumpulan (Ramli et al., 2019). Guru juga kurang keyakinan dan tidak bersedia untuk mengajar pengajaran dan pembelajaran yang baharu akibat kurangnya pengetahuan, kemahiran serta metodologi untuk mengajar sesuatu perkara yang baharu. Selain itu, kurang kepercayaan terhadap kemampuan murid juga menyebabkan guru lebih mendominasi pembelajaran murid berbanding murid mencipta pembelajaran mereka sendiri.

Dapatan dari kajian McKnight (2016) melaporkan bahawa pelaksanaan pembelajaran untuk murid berkeperluan khas kebanyakan masih lagi berfokuskan kepada guru bukannya kepada murid. Murid berkeperluan khas berhak mendapat pembelajaran yang seiring dengan keperluan pembelajaran masa kini serta menyediakan guru yang menghasilkan pengajaran yang berkualiti. Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti pengetahuan dan sikap guru Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas mengaplikasikan pembelajaran kolaboratif dalam pengajaran dan pembelajaran bagi murid berkeperluan khas. Selain itu, kajian juga mengenal pasti terdapat hubungan antara pengetahuan dan sikap yang dipamerkan oleh guru Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas dalam mengaplikasikan pembelajaran kolaboratif.

KAJIAN LITERATUR

Ilmu Pengetahuan Membantu Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Pengetahuan individu mempengaruhi secara langsung kepada tindakan atau sikap seseorang. Pengaplikasian pengajaran guru terhasil daripada persepsi yang ditunjukkan oleh guru berpandukan pengetahuan asas yang mereka ada. Menurut Mohd. Azam (2019) dalam kajiannya telah menyatakan bahawa Model Kopotensi Bongkah Ais yang dipelopori oleh Spencer & Spencer (1993) telah menggambarkan pengetahuan dan sikap amat berkait rapat untuk membentuk prestasi kerja yang cemerlang. Model ini menjelaskan bahawa bongkah ais terdapat dua permukaan iaitu permukaan yang boleh dilihat di bahagian atas air manakala lagi satu bahagian permukaan yang sukar untuk dilihat di bawah air. Permukaan yang boleh dilihat itu mewakili aspek pengetahuan guru manakala permukaan yang tidak boleh dilihat mewakili aspek sikap individu. Pengetahuan guru tidak terhad kepada pengetahuan kandungan, paling penting adalah pengetahuan pedagogi dan juga pengetahuan kandungan pedagogi yang dapat membantu guru dalam penghasilan perancangan pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan kepelbagaian murid berkeperluan khas (Maimun et al., 2017; Noor Aini et al., 2015). Pengetahuan yang tinggi dapat meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan pengajaran guru. Suzlina dan Jamaludin (2016) menyatakan bahawa pengetahuan asas guru yang tinggi akan dapat menggalakkan pengajaran yang mudah, menarik serta berkesan. Pengetahuan dapat

membantu guru dalam memudahkan serta mempelbagaikan pengajaran dan pembelajaran murid. Tahap pengetahuan guru juga semakin meningkat mengikut tahun pengalaman mengajar mereka. Antara pengetahuan asas yang terpenting adalah pengetahuan pedagogi termasuklah strategi pengurusan kelas dan penglibatan murid dalam pembelajaran sebagai contoh pembelajaran yang bersesuaian dengan murid berkeperluan khas (Gess-Newsome, 2015).

Sikap Guru Memberi Kesan Terhadap Pengajaran

Kondakchi (2015) mendapati bahawa guru boleh menunjukkan sikap yang positif dalam penerimaan pembaharuan dalam pendidikan dengan adanya sokongan sosial dan emosi daripada pentadbir dan juga rakan sekerja. Sokongan dan kepercayaan yang diberikan kepada guru memberikan manfaat kepada organisasi termasuklah murid sebagai pelanggan pendidikan. Guru juga mempunyai keyakinan tinggi dalam pengaplikasian pengajaran baharu jika mereka diberikan latihan atau kursus (Gerli et al., 2017) yang bersesuaian untuk pengaplikasian pengajaran baharu kepada murid. Kaedah pengajaran yang baharu adalah bersesuaian dengan keadaan pendidikan semasa dan guru bersikap lebih positif jika diberikan pengetahuan dan kemahiran dalam pelaksanaan pengajaran kepada murid. Oleh itu, sikap guru bukan sahaja bergantung kepada komitmen sendiri, faktor luar juga yang mempengaruhi sikap guru seperti peranan pentadbir serta persekitaran sekolah (Rohaida & Zamri, 2016). Sikap yang positif terlahir jika guru mempunyai sokongan bekalan pengetahuan dan kemahiran daripada pihak pentadbir mahupun rakan sekerja.

Berdasarkan teori sosial Vygotsky, murid mengembangkan ilmu pengetahuan melalui interaksi sosial bersama orang lain agar minda murid dapat berfungsi pada tahap yang maksimum. Dalam pembelajaran murid berkeperluan khas, sokongan persekitaran memainkan peranan penting untuk perkembangan ilmu murid. Julie dan rakan penyelidikannya (2015) menunjukkan sokongan guru, rakan dan ibu bapa serta kajian hueristik oleh guru berkenaan dengan strategi serta model pengajaran yang bersesuaian dengan murid memainkan peranan dalam perkembangan pembelajaran murid. Murid berkeperluan khas ini sangat memerlukan pembelajaran yang bersifat aktif dan interksi bersama guru dan rakan dalam pembinaan ilmu pengetahuan mereka. Selain itu, mereka juga memerlukan sokongan daripada guru dan rakan bagi memastikan pembelajaran yang diterima adalah sesuai dengan tahap kognitif murid dan murid dapat pembelajaran yang maksimum di dalam kelas.

Pembelajaran Kolaboratif untuk Murid Berkeperluan Khas

Pembelajaran kolaboratif terbentuk dengan beberapa landasan teori antaranya adalah teori konstruktivisme sosial oleh Lev Vygotsky, teori demokrasi dalam pendidikan yang dikembangkan oleh John Dewey, teori humanistik seta teori Scaffolding dari Bruner (Sulistyawati & Zuchdi, 2016). Pembelajaran kolaboratif adalah berkaitan pembelajaran untuk merancang dan berkerjasama bagi mempertimbangkan pelbagai perpektif serta untuk turut serta dalam wacana dengan berkongsi ilmu, mendengar dan menyokong orang lain. Murid menyatakan pemikiran mereka dalam kumpulan tentang sesuatu perkara yang dipelajari seterusnya membincangkan perkara tersebut dan mencabar idea orang lain serta berkerjasama bagi mendapatkan penyelesaian atau suatu persefahaman untuk perkara yang dibincangkan tersebut (Saparuddin et al., 2018; Susanti et al., 2018; Primadiati & Djukri, 2017; Kumi-Yeboah et al., 2017; Rafiza, 2013). Pembelajaran alternatif yang berkesan dalam menggalakkan pembelajaran aktif murid secara berkumpulan dapat dilaksanakan dan mendorong murid menyampaikan pemikiran dan pendapat masing-masing sehingga dapat menghasilkan penemuan pembelajaran mereka sendiri (Al-Rahmi & Zeki, 2017). Pembelajaran kolaboratif tidak terhad kepada pembelajaran secara langsung, pembelajaran tidak langsung melibatkan pengintegrasian dengan teknologi maklumat (Chen & Law, 2016) seperti internet, pembelajaran mobil, dan juga pembelajaran berasaskan permainan juga

dapat meningkatkan kerjasama antara murid dan juga menaikkan motivasi belajar murid ke tahap yang maksimum.

METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk Kajian

Kajian tinjauan ini berbentuk penyelidikan kuantitatif menggunakan borang soal selidik berkaitan dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas terhadap pengaplikasian pembelajaran kolaboratif dalam pengajaran dan pembelajaran. Tiga komponen utama yang dinilai dalam borang soal selidik tersebut adalah

- i. Pengetahuan guru Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas tentang pembelajaran kolaboratif.
- ii. Sikap yang ditunjukkan oleh guru Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas mengaplikasikan pembelajaran kolaboratif dalam pengajaran pembelajaran di kelas.
- iii. Hubungan yang wujud antara pengetahuan guru dengan sikap guru Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas dalam mengaplikasikan pembelajaran kolaboratif dalam pengajaran dan pembelajaran.

Sampel Kajian

Kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) telah digunakan dalam mendapatkan sampel bagi kajian ini. Ilker dan rakan penyelidikinya (2016) menjelaskan bahawa teknik ini juga dikenali sebagai persampelan penghakiman kerana peserta kajian dipilih dengan sengaja, tanpa mempunyai teori tertentu atau tanpa bilangan set peserta kerana mempunyai ciri-ciri yang ditetapkan dalam kajian ini. Ciri-ciri sampel kajian menepati objektif kajian ialah sampel kajian mestilah guru yang mengajar di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas dan mengajar murid berkeperluan khas sepenuh masa. Oleh itu, seramai 100 orang responden yang telah dipilih dalam kajian ini yang terdiri daripada 40 orang guru yang mengajar di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas dalam Selangor dan 60 orang guru yang mengajar di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas dalam Wilayah Persekutuan.

Instrumen Kajian

Norizan (2019) menyatakan bahawa salah satu cara dalam pembinaan instrumen adalah dengan pengubahsuaian serta penggabungan instrumen yang sedia ada. Instrumen soal selidik banyak digunakan bagi mengumpulkan maklumat kajian seperti fakta, perasaan, kepercayaan, kehendak dan sebagainya berdasarkan soalan-soalan yang direka khas serta bersesuaian dengan persoalan kajian yang ditetapkan (Tikok, 2018; Mohd. Majid, 2005). Oleh yang demikian, kajian ini telah mengubahsuaikan instrumen daripada Ainun (2019) dan Norpizah (2019) sebagai panduan agar selari dengan persoalan kajian tentang pengetahuan, kemahiran dan sikap guru dalam mengaplikasikan pembelajaran kolaboratif. Borang soal selidik ini mengandungi empat bahagian iaitu bahagian profil responden, pengetahuan guru, kemahiran guru dan sikap guru dalam mengaplikasikan pembelajaran kolaboratif. Bagi bahagian pengetahuan, kemahiran dan sikap guru telah menggunakan penilaian skala perkadaran Likert lima peringkat bermula dengan sangat tidak setuju sehinggalah sangat setuju.

Kesahan & Kebolehpercayaan Instrumen

Data yang dikumpulkan perlu melalui proses kesahan supaya maklumat yang diperolehi adalah tepat dan boleh dipercayai (Xavier, 2000). Salah satu cara bagi memastikan pemerolehan maklumat yang tepat adalah melalui kajian rintis. Kajian rintis dijalankan bagi memastikan instrumen yang digunakan untuk mengumpulkan data adalah sah dan boleh dipercayai. Masalah yang timbul semasa kajian sebenar dapat dielakkan dengan adanya

pengesanan awal berkaitan kekurangan dan kelemahan instrumen serta menjimatkan masa dan kos pengkaji. Kajian rintis dilaksanakan terhadap 30 orang guru kelas Pendidikan Khas yang dipilih secara rawak yang mengajar sekolah kebangsaan. Responden ini dipilih kerana mempunyai ciri yang mirip dengan responden sebenar kajian iaitu guru yang mengajar murid berkeperluan khas. Tambahan pula Ghazali & Sufean (2018) serta Konting (2005) menyatakan bahawa kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu instrumen soal selidik mampu ditingkatkan apabila responden yang dijalankan semasa kajian rintis adalah hampir serupa dengan responden untuk kajian sebenar.

Nilai korelasi item dengan skor yang diperbetulkan dan indeks kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* bagi setiap konstruk kajian dalam kajian rintis serta nilai keseluruhan diperolehi ditunjukkan dalam Jadual 1. Nilai *Cronbach Alpha* keseluruhan bagi 38 item adalah 0.907. Menurut Ghazali & Sufean (2018) dalam Jadual 1 telah menyatakan bahawa nilai ini adalah dalam kategori sangat baik. Item-item yang digunakan boleh digunapakai untuk kajian yang sebenar.

Bil	Konstruk	Bilangan Item	Nilai Alpha (α)
1.	Pengetahuan	12	0.650
2.	Kemahiran	11	0.923
3.	Sikap	15	0.939
	Keseluruhan	38	0.907

Kaedah Pengumpulan Data

Data kajian diperolehi melalui dua kaedah iaitu secara bersemuka dan secara atas talian melalui aplikasi 'Google Form'. Aplikasi 'Google Form' digunakan untuk diakses oleh setiap responden supaya responden mudah mengakses soal selidik atas talian dan responden dapat menjawab soalan dalam keadaan yang tenang serta masa yang terluang dalam masa 2 minggu. Dengan kecanggihan teknologi, borang soal selidik aplikasi 'Google Form' ini telah diedarkan melalui media digital seperti rangkaian sosial, e-mel, kod QR atau URL. Seramai 40 orang responden yang telah menggunakan aplikasi 'Google Form' bagi menjawab soalan secara atas talian manakala selebihnya seramai 60 orang responden yang menggunakan kaedah bersemuka.

Kaedah Penganalisaan Data

Data yang dikumpulkan melalui soal selidik telah dianalisis secara deskriptif bagi menjawab persoalan-persoalan yang telah ditetapkan pada awal kajian. Penggunaan statistik deskriptif sangat meluas untuk menghuraikan pembolehubah berdasarkan petunjuk seperti min, sisihan piawai, median, mod, taburan normal dan skor Z (Ghazali & Sufean, 2018; Mohd. Majid, 2005). Perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 22.0 telah digunakan untuk mendapatkan peratusan kekerapan bagi maklumat latar belakang guru serta pengetahuan dan sikap guru Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas terhadap pengaplikasian pembelajaran kolaboratif.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Seramai 100 orang guru Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas yang terlibat dalam kajian ini. Majoriti guru ini adalah terdiri daripada guru perempuan iaitu seramai 70 orang yang berumur dalam lingkungan 25 hingga 34 tahun (83%) dan memiliki tahap pendidikan tertinggi Ijazah Sarjana Muda (91%). dimana sebahagiannya adalah Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (56%). Hampir kesemua guru memiliki Ijazah Sarjana Muda seramai (91%) malah mereka telah mula mempunyai kesedaran untuk menyambung pembelajaran dan memiliki Ijazah Sarjana seramai 5 orang.

Pengetahuan Guru Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Terhadap Pembelajaran Kolaboratif

Guru Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas didapati ramai yang mengetahui dengan baik tentang definisi serta maksud pembelajaran kolaboratif. Kajian mendapati bahawa guru Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas sangat bersetuju dengan definisi pembelajaran kolaboratif dapat menggalakkan murid berusaha mencari ilmu bersama rakan dalam pembinaan pembelajaran murid. Selain itu, kajian menunjukkan lebih separuh daripada guru yang bersetuju bahawa pembelajaran kolaboratif ini mengaplikasikan teori *Zone of Proximal Development* (ZPD) yang diperkenalkan oleh Vygotsky. Manakala seramai 34 orang guru yang sangat bersetuju bahawa kerjasama adalah salah satu elemen dalam pembelajaran kolaboratif. Dapatan ini menunjukkan, guru Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas ini merupakan graduan universiti serta maktab perguruan yang memiliki sarjana muda dalam pendidikan memiliki pengetahuan berkaitan dengan pedagogi pembelajaran abad ke-21 mengutamakan pembelajaran yang berpusatkan murid serta pembelajaran kolaboratif. Pengetahuan tentang definisi ini dapat membantu guru dalam merancang kesesuaian aktiviti kolaboratif untuk murid berkeperluan khas.

Kajian menunjukkan guru Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas tahu bahawa pembelajaran kolaboratif ini melibatkan pembelajaran aktif oleh murid di dalam kelas. Seramai 63 orang responden sangat bersetuju bahawa murid perlu membina pengetahuan mereka sendiri bersama rakan sekelas serta dibantu oleh guru semasa pengajaran berlangsung. Selain itu, guru ini sangat bersetuju bahawa pembelajaran kolaboratif ini mampu menggalakkan murid untuk berusaha dalam penjelajahan ilmu pengetahuan dalam berkumpulan. Hal ini disokong oleh teori sosiobudaya Vygotsky bahawa interaksi sosial secara langsung antara kanak-kanak bersama individu lain secara tidak langsung menggalakkan pembinaan pengetahuan dan penguasaan kemahiran kanak-kanak tersebut.

Perancangan dan pembelajaran murid melibatkan penggunaan bahan bantu belajar dan bahan bantu mengajar yang bersesuaian sebagai penggalak kepada pembinaan pengetahuan murid. Bagi pembelajaran kolaboratif, penggunaan bahan bantu ini adalah dari pelbagai aspek media serta bahan mautud mahupun bahan interaktif. Penggunaan bahan yang menyeluruh adalah bermatlamatkan membantu murid mencari pengetahuan secara tidak terhad. Dalam kajian ini, seramai 75 orang guru Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas bersetuju bahawa penggunaan bahan semasa mengajar secara tidak langsung dapat menggalakkan kolaborasi antara murid semasa di dalam kelas kerana murid berkeperluan khas ini sangat memerlukan sokongan ketika pembelajaran berlaku di dalam kelas. Sokongan yang diberikan bukan sahaja dari aspek sosial, malahan sokongan yang diperlukan adalah sokongan secara langsung dalam membantu murid berkeperluan khas mencetuskan idea serta merangsang murid menggaitkan pengetahuan sedia untuk mencipta pengetahuan baharu ini. Perkara ini disokong dengan teori Scaffolding yang telah menyatakan bahawa kanak-kanak memerlukan sokongan daripada yang lebih arif yang mampu membantu memberikan jawapan terhadap sebarang persoalan semasa proses pemerolehan ilmu baharu murid.

Sikap Guru Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Terhadap Pembelajaran Kolaboratif

Sikap merupakan sifat seseorang atau pertimbangan individu berkaitan dengan maklumat yang diterima oleh mereka (Yoda & Savolainen, 2017). Vaz dan rakan-rakan (2015) menjelaskan bahawa sikap individu amat mempengaruhi tindakan individu itu sendiri sama ada bertindak secara positif atau negatif berkenaan dengan sesuatu perkara. Pengetahuan individu mempengaruhi tindakan guru dalam penerimaan perubahan pendidikan semasa (Arshad, 2019). Kajian mendapati hampir kesemua guru Sekolah Kebangsaan Pendidikan

Khas iaitu seramai 72 orang responden yang bersetuju untuk menjalankan pembelajaran kolaboratif terhadap murid berkeperluan khas dalam kelas masing-masing.

Bekalan ilmu amat diperlukan oleh guru tambahan pula mengenai perkara baharu dalam pendidikan kini. Guru diberikan peluang untuk penambahan ilmu melalui pelbagai cara sama ada secara atas talian ataupun secara bersemuka supaya murid mendapat pembelajaran yang sewajarnya dan selaras dengan perkembangan pendidikan. Kajian menunjukkan seramai 75 orang guru Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas bersetuju untuk mencari peluang untuk menambahkan kemahiran pengajaran mereka berkaitan pembelajaran kolaboratif ini. Mereka mengakui bahawa pembelajaran kolaboratif ini banyak diberikan contoh berdasarkan pembelajaran murid tipikal. Oleh itu, guru berusaha untuk mencari pengetahuan berkaitan teknik pembelajaran kolaboratif yang bersesuaian untuk diaplikasikan kepada murid berkeperluan khas. Dapatan kajian ini menyokong Maimun dan rakan penyelidik (2017) bahawa guru berusaha untuk mengaplikasikan pengajaran dan pembelajaran yang terkini kepada murid selaras dengan pendidikan yang terkini.

Seterusnya, guru Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas ini sangat bersetuju sekiranya pihak pentadbir sekolah mengadakan Latihan dalam Perkhidmatan (LDP) mengenai pembelajaran kolaboratif ini. Mereka sedar bahawa mereka merasakan terdapat sedikit kesukaran untuk mengaplikasikan aktiviti berkumpulan untuk murid berkeperluan khas. Ini adalah kerana, kebanyakan murid berkeperluan khas kurang keyakinan diri dalam memberikan pendapat mereka sendiri dan suka untuk bergantung kepada jawapan guru. Oleh itu, guru berkeperluan khas ini berasa bahawa mereka perlu meminta pentadbir untuk melaksanakan latihan untuk mereka menambahkan ilmu serta kemahiran berkaitan dengan pembelajaran kolaboratif untuk murid berkeperluan khas khususnya.

Selain itu, seramai 72 orang guru Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas juga berusaha untuk berkongsi ilmu yang ada jika mereka mempunyai ilmu tentang pembelajaran kolaboratif ini dengan rakan sejawat. Ini bermakna, guru ini bersikap positif untuk mengaplikasikan pembelajaran kolaboratif ini bagi murid berkeperluan khas. Perkongsian ilmu adalah salah satu sokongan sosial yang dapat meningkatkan keyakinan guru dalam mengaplikasikan pembelajaran baharu untuk murid berkeperluan khas.

Hubungan antara Pengetahuan dan Sikap Guru Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas dalam Pembelajaran Kolaboratif

Clarke & Hollingsworth (2002) menjelaskan bahawa penambahan pengetahuan guru akan memberikan perubahan terhadap pelaksanaan pembelajaran murid seterusnya mengubah sikap dan kepercayaan guru itu sendiri serta memberikan perubahan terhadap amalan guru dalam pengajaran berdasarkan Model Pertumbuhan Profesionalisma Guru yang dipelopori oleh Guskey (1986). Pendidikan kini memerlukan guru yang berinovasi, kreatif serta boleh mengadaptasi pengajaran dengan perubahan pendidikan semasa. Pengetahuan individu memainkan peranan penting dalam memberikan impak profesion perguruan. Guru yang kurang berpengetahuan merasakan segala perubahan dalam pendidikan sangat menyusahkan diri mereka dan guru kekal dengan cara pengajaran yang sedia ada sahaja. Guru Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas didapati mempunyai pengetahuan yang tinggi serta berwawasan telah menunjukkan sikap untuk membangunkan diri sendiri dengan berusaha untuk memperoleh pengetahuan dengan meminta daripada pentadbir mengadakan latihan dan kursus yang berkaitan pengajaran dan pembelajaran pada masa kini. Mereka sedar bahawa pengetahuan yang sedia ada tidak dapat memberikan impak pembelajaran yang maksimum untuk murid berkeperluan khas, maka mereka bersetuju untuk menambahkan pengetahuan dari pelbagai medium seperti menghadiri kursus ataupun simposium atau melalui pembacaan daripada media cetak, media semasa serta perkongsian ilmu daripada individu yang berpengetahuan juga mampu menambahkan ilmu

guru disamping memberikan motivasi untuk merancang pengajaran yang bersesuaian untuk murid berkeperluan khas.

Pelbagai penambahbaikan dalam pendidikan yang memerlukan persediaan guru untuk sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran sendiri guru bagi memberikan pengajaran yang terbaik serta mencipta pembelajaran terkini untuk murid berkeperluan khas. Guru Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas bersikap proaktif dalam mencari ilmu pengetahuan yang bersesuaian dengan keperluan pendidikan terkini yang memerlukan galakkan daripada murid untuk melibatkan diri sepenuhnya dengan pembelajaran mereka di dalam kelas. Guru berpengetahuan sentiasa mempunyai perasaan ingin tahu yang tinggi dan berusaha untuk memastikan perancangan pengajaran dan pembelajaran murid mengikut keperluan pendidikan semasa. Guru Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas juga sentiasa memastikan murid melibatkan diri dalam pembelajaran aktif berkumpulan secara langsung mahupun tidak langsung. Kebanyakan guru yang proaktif ini terdiri daripada guru yang mempunyai tahap pendidikan di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Mereka berusaha untuk mencari ilmu pengetahuan berkaitan pedagogi pembelajaran kolaboratif untuk murid berkeperluan khas dari pelbagai cara. Oleh itu, pihak pentadbir sekolah perlu peka dengan keperluan semasa guru dan sentiasa menyediakan peluang-peluang serta memberikan galakkan kepada guru Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas menambahkan ilmu pengetahuan terutamanya untuk kepentingan pendidikan murid berkeperluan khas.

KESIMPULAN

Pendidikan tidak terhad kepada ilmu pengetahuan sahaja, pendidikan menyeluruh dari aspek kognitif, sosial dan jasmani serta rohani menjadi keutamaan untuk membentuk modal insan berguna pada masa akan datang. Pembelajaran kolaboratif menerapkan kesemua aspek tersebut agar murid dapat berkomunikasi serta bersosial secara berhemah dalam mencari serta membina ilmu pengetahuan bersama rakan-rakan serta guru di dalam kelas. Pengetahuan guru tentang pembelajaran kolaboratif ini boleh memberikan kesan terhadap sikap guru untuk mengaplikasikannya dalam pengajaran dan pembelajaran murid berkeperluan khas. Namun begitu, guru Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas ini mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang pembelajaran kolaboratif, namun kurang berkeyakinan dalam melaksanakannya terhadap murid berkeperluan khas. Oleh itu, mereka perlukan lebih latihan dan bimbingan serta sokongan daripada pentadbir terutamanya bagi memastikan guru Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas dapat mengaplikasikan pembelajaran kolaboratif dalam pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan dan optimum untuk murid berkeperluan khas.

RUJUKAN

- Ainun Rahmah Binti Iberahim. (2019). *Sikap dan Kemahiran Abad 21 Pelajar Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Empat*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Awidi, H., & Aldhafeeri, F. (2017). Teachers' readiness to implement digital curriculum in Kuwaiti schools. *Journal of Information Technology Education Research*, 16, 105-126.
- Al-Rahmi, W. M. & Zeki, A. M. (2017). A model of using social media for collaborative learning to enhance learners' performance on learning. *Journal of King Saud University - Computer and Information Sciences*, 29(4), 526-535.
- Arshad, A. 2019. *Tahap Pengetahuan Dan Kemahiran Pelaksanaan Dalam Mempengaruhi Sikap Guru Bahasa Melayu Tentang Kaedah Pembelajaran Berasaskan Masalah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Baharun, K., Siraj, S., & Ghani, M. F. A. (2017). Aplikasi Pesanan Segera Mudah Alih (Mobile Instant Messaging) Dalam Pembelajaran Kolaboratif: Satu Kajian Analisis Keperluan. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(1), 35-49.

- Chen, C.-H., & Law, V. (2016). Scaffolding individual and collaborative game-based learning in learning performance and intrinsic motivation. *Computers in Human Behavior*, 55, 1201–1212.
- Clarke, D & Hollingsworth, H. (2002). Elaborating A Model of Teacher Professional Growth. *Teaching and Teacher Education*, 18, 249-267.
- Gerli, S., Tiitsaar, K., Pedaste, M., Zacharia, Z.C., & Papaevripidou, M. (2017). Teachers' Readiness to Use Inquiry-based Learning: An Investigation of Teachers' Sense of Efficacy and Attitudes Toward Inquiry-Based Learning. *Science Education International*, Vol 28(4): 315-325.
- Gess-Newsome, J. (2015). *A Model of Teacher Professional Knowledge and Skill Including PCK. Re-examining Pedagogical Content Knowledge in Science Education*.
- Ghazali Darussalam & Sufean Hussin. (2018). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian Edisi Kedua*. Penerbit Universiti Malaya.
- Hamdan, A. R., Anuar, M. K. & Khan, A. (2016). Implementation of co-teaching approach in an inclusive classroom: overview of the challenges, readiness, and role of special education teacher. *Asia Pacific Education Review*, 17(2), 289–298.
- Ilker Etikan, Sulaiman Abubakar Musa, Rukayya Sunusi Alkassim. (2016). Comparison of Convenience Sampling and Purposive Sampling. *American Journal of Theoretical and Applied Statistics*. 5(1), 1-4.
- Julie R., Paula B., Rob W., Peter B. (2015). Scaffolding learning for independence: Clarifying teacher and teaching assistant roles for children with special educational needs. *Learning and Instruction*, 36, 1-10.
- Kondakci, Y., Beycioglu, K., Sincar, M., & Ugurlu, C. T. (2015). Readiness of teachers for change in schools. *International Journal of Leadership in Education*, 20(2), 176–197.
- Kumi-Yeboah, A., Dogbey, J. & Yuan, G. (2017). Online collaborative learning activities: The perspectives of minority graduate students. *Online Learning*, 21(4), 5–28.
- Lai L.C., Chin H. L. & Chew F. P. (2017). Amalan Pengajaran Guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat Dalam Penulisan Karangan dari Aspek Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif serta Pembelajaran Kolaboratif. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 1(4), 1-12.
- Maimun Aqsha Lubis, Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan & Mohd Isa Hamzah (2017). Tahap Pengetahuan dan Kesediaan Guru-guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Selangor Terhadap Penggunaan Multimedia dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*, 1(1), 1–13.
- McKnight, K., O'Malley, K., Ruzic, R., Horsley, M. K., Franey, J. J., & Bassett, K. (2016). Teaching in a Digital Age: How Educators Use Technology to Improve Student Learning. *Journal of Research on Technology in Education*, 48(3), 194-211.
- Mistirine Radin & M. AL-Muz-zammil Yasin. (2018). Pelaksanaan Pendidikan Abad Ke-21 di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Sains Humanika*, 10(3–2), 1–6.
- Mohd. Azam Mahat. (2019). *Pengetahuan, Kemahiran Dan Sikap Guru Pendidikan Islam Terhadap Pelaksanaan Aktiviti Dakwah Sekolah Rendah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Aini Ahmad & Norhafizah Abu Hanifah. (2015). Tahap Pengetahuan Guru Pendidikan Khas Apabila Mengurus Tingkah Laku Murid Bermasalah Pembelajaran. *Asia Pasific Journal of Educator and Education*, 30, 73–88.
- Norpizah binti Hashim. (2019). *Tahap Kesediaan dan Halangan Melaksanakan Pengajaran STEM Dalam Kalangan Guru Sains*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norizan Ismail, Muhammad Ridzuan Idris, Raja Shaharudin Raja Mohamad, Nor Kamillah Mokhtar, Mohd. Nazri bin Abdul Rahman. 2019. Kesesuaian Program Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBI) Di Sekolah Rendah Luar Bandar Di Kelantan. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 6(1), 38-48.

- Primadiati, I. D. & Djukri, D. (2017). Pengaruh Model Collaborative Learning terhadap Peningkatan Motivasi dan Hasil Belajar IPA Siswa Kelas IV SD. *Jurnal Prima Edukasia*, 5(1), 47–57.
- Saparuddin, Prasetyo, T. I. & Mahanal, S. (2018). Improving Students' Collaboration skills as Teacher Candidates Through Lesson Study-Based JiRQa Learning Strategy. *PEOPLE: International Journal of Social Sciences*, 4(2), 599–608.
- Sulistiyawati, N. & Zuchdi, D. (2016). Implimentasi Teknik Pembelajaran Kolaboratif Dengan Variasi Media untuk Peningkatan Hasil Belajar di SMPN 2 Kalijambe. *Jurnal Pendidikan IPS*, 3(1), 50–61.
- Sung, H. Y. & Hwang, G. J. (2013). A collaborative game-based learning approach to improving students' learning performance in science courses. *Computers and Education*, 63, 43–51.
- Susanti, S., Prasetyo, T. & Nasution, S. A. (2018). Model Pembelajaran Kolaboratif Sebagai Alternatif Pembelajaran Ilmu Pengetahuan Sosial. *Didaktika Tauhidi: Jurnal Pendidikan Guru Sekolah Dasar*, 4(1), 19–30.
- Suzlina Hilwani Baharuddin & Jamaludin Badusah. (2016). Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Guru Sekolah Menengah Terhadap Penggunaan Web 2.0 dalam Pengajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6, 33–43.
- Tikok, J. 2018. Sikap dan Jantina Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Daerah Serian Terhadap Pemilihan Bahan Bantu Mengajar, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1), 13–21.
- Vaz, S., Wilson, N., Falkmer, M., Sim, A. & Scott, M. 2015. Factors Associated with Primary School Teachers' Attitudes Towards the Inclusion of Students with Disabilities. *PLOS ONE*, 10(8), 1–12.
- Yoda, A & Savolainen, H. 2017. Japanese in-service teachers' attitude toward inclusive education and self-efficacy for inclusive practices. *Teaching and Teacher Education*, 64: 222-229.